

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
KAWASAN : TANJONG KARANG
TARIKH : 23 MEI 2016, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan telah memuktamadkan pembatalan pembinaan Lebuhraya KIDEX dan sekiranya telah dibatalkan, berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Berdasarkan perjanjian konsesi projek Lebu Raya Kinrara-Damansara (KIDEX) yang ditandatangani pada 15 November 2013, syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd. perlu memenuhi syarat-syarat duluan atau 'condition precedent' yang ditetapkan dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh perjanjian sebelum perjanjian konsesi tersebut disahkan kuat kuasa. Walau bagaimanapun Kerajaan berhak untuk mempertimbangkan pemberian Tempoh Lanjutan Masa kepada syarikat konsesi jika terdapat kewajaran atau pertimbangan yang munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan lanjutan masa yang kedua selama 6 bulan kepada syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd., iaitu sehingga 14 Ogos 2015. Ini berikutan daripada keputusan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi tempoh sehingga 14 Februari 2015 kepada syarikat konsesi memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Walau bagaimanapun projek ini telah dibatalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Februari 2015 dengan alasan Kerajaan Pusat dan syarikat konsesi gagal mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui sebelum tarikh akhir ditetapkan (14 Februari 2015). Berikutan permohonan daripada syarikat konsesi untuk mencari kaedah penyelesaian yang baru, Kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan tempoh akhir lanjutan masa perjanjian konsesi, iaitu sehingga 14 November 2016.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang kegagalan terhadap pelaksanaan projek Lebu Raya Kinrara-Damansara (KIDEX) ini tidak membabitkan obligasi kewangan kepada pihak Kerajaan kerana perjanjian tersebut masih lagi belum berkuat kuasa.

Sekian. Terima kasih.